



FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PEMBELAJARAN BALAGHAH

[FACTORS OF WEAKNESSES IN LEARNING BALAGHAH]

RAJA HAZIRAH RAJA SULAIMAN¹, NAJIHAH ABDUL WAHID^{1*}

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Correspondent Email: anajihah@unisza.edu.my

Received: 15 January 2021

Accepted: 1 March 2021

Published: 15 March 2021

Abstrak: Isu permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab sering kali diperdebatkan. Banyak kajian yang membincangkan isu yang dihadapi oleh para guru dalam menyampaikan pelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar. Kajian ini menumpukan isu pembelajaran balaghah Arab yang sering dihadapi oleh guru bahasa Arab di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan secara terperinci beberapa permasalahan dalam pengajaran balaghah Arab yang dihadapi oleh guru-guru dan pensyarah di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah yang mengumpulkan dan menilai maklumat-maklumat yang terdapat dalam kajian-kajian lampau seperti jurnal, artikel mahupun buku. Dapatan kajian mendapati, permasalahan yang dihadapi oleh guru bahasa Arab ini boleh dipecahkan kepada lima permasalahan yang utama iaitu metode dan pendekatan, motivasi, pedagogi dan pengukuran, kesamaran objektif, kekurangan rujukan. Oleh itu, para guru dan pensyarah diharapkan menjadi lebih kompeten dalam menyelesaikan dan menguruskan permasalahan ini.

Kata kunci: permasalahan pengajaran, guru balaghah Arab, pendekatan, pedagogi, motivasi, objektif, rujukan,

Abstract: The problems of teaching Arabic language are often debated. Several past studies have discussed the issues faced by educators in delivering Arabic language lessons to students. This study focuses on the issue of learning Balaghah that is often faced by Arabic language teachers in Malaysia either experienced at school or even at higher education institutions. The objective of this study is to discuss in detail some of the main problems encountered by teachers and lecturers during the process of teaching Balaghah to students. This study used the qualitative method as the choice of methodology - a method that collects and evaluates the information found in past studies such as journals, articles or books. The findings of the study found that the problems faced by Arabic teachers can be categorised into five main categories namely (i) Methods and approaches, (ii) motivation, (iii) pedagogy and measurement, (iv) ambiguity of objectives (v) lack of reference. Thus, teachers and lecturers are expected to be more competent in solving and managing these problems.

Keywords: Arabic language, teachers, balaghah, motivation

Cite This Article:

Raja Hazirah Raja Sulaiman & Najihah Abdul Wahid. 2021. Faktor-faktor Kelemahan Pembelajaran Balaghah [Factors of Weaknesses in Learning Balaghah]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1), 111-120.

PENGENALAN

Ilmu Balaghah adalah ilmu yang berkaitan dengan masalah perkataan, iaitu mengenai susunannya, maknanya, pengaruh jiwa terhadapnya, serta keindahan dan ketepatan pemilihan kata yang sesuai (Idris et al., 2012). Ilmu balaghah mempunyai tiga bidang kajian, iaitu:

- a. Ilmu Bayan (علم البيان)
- b. Ilmu Ma'ānī (علم المعاني)
- c. Ilmu Badī' (علم البديع)

Ibnu Kathir menyatakan bahasa Arab adalah bahasa yang paling fasih, paling jelas, paling luas dan paling mampu menyampaikan makna yang terdapat dalam fikiran manusia. Justeru tidak hairanlah kitab agung al Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Al Quran juga diakui kitab paling sempurna dari berbagai aspek. Imam al-Shafi'i mengatakan setiap orang muslim wajib mempelajari bahasa Arab bagi mendalami petunjuk dan ajaran yang terdapat dalam al Quran dan sunnah (Badri Najib, 2008).

Atif Fadhl Mohamad (2015) dan Abdul Rahman (2002) menyatakan antara aspek penting dan menarik dalam pembelajaran bahasa Arab ialah ilmu Balaghah. Berdasarkan kajian lepas berkenaan dengan isu PdP balaghah rata-rata melaporkan tentang kelemahan pelajar dalam menguasainya termasuklah dari sudut aplikasi. Berdasarkan kronologi tahun penyelidikan kelemahan ini didapati berterusan.

FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PEMBELAJARAN BALAGHAH

Antara kelemahan dan permasalahan yang dihadapi dalam pembelajaran balaghah di peringkat sekolah mahupun IPTA ialah seperti berikut:

Kurang Kepelbagaian Pendekatan Dalam Pembelajaran Balaghah

Guru merupakan seorang pendidik, pembimbing, pelatih, dan pengembang kurikulum yang dapat menciptakan suasana belajar yang kondusif, iaitu suasana belajar yang menyenangkan, menarik, serta memberikan ruang kepada pelajar untuk berfikir aktif, kreatif, dan inovatif dalam mengeksplorasi dan meningkatkan kemampuannya dalam pembelajaran. Tidak dapat dinafikan masih ramai guru yang belum memainkan peranannya secara optimum dalam mendidik pelajar serta masih menggunakan model pembelajaran konvensional. Menurut Abdul Hakim & Mustafa (2016), kaedah pengajaran ilmu balaghah yang dipraktikkan di Malaysia masih berorientasikan peperiksaan dan hafalan yang merangkumi definisi, contoh serta teori-teori dan kebanyakannya berpusatkan pensyarah (Shuhaida Hanim, 2016). Kaedah ini tidak menjadikan pelajar seorang kompeten dalam berbahasa kerana mereka tidak mampu mempraktikkan nilai estetika yang dipelajari dalam ilmu balaghah (Abdul Jalil et al. 2011).

Kekurangan pengetahuan berkaitan pedagogi pengajaran yang pelbagai dan berkesan mendorong guru untuk mengajar dengan berpusatkan diri mereka. Guru juga terkesan dengan pengajaran dan pembelajaran masa lampau yang memberi pemusatan pada guru. Malah, ada di antara mereka yang beranggapan para pelajar tidak berkemampuan dan tidak berkemahiran dalam memahami sesebuah teks. Justeru terjemahan digunakan bagi memahamkan pelajar tentang kandungan mata pelajaran. Sebaliknya, proses pengajaran yang berpusatkan pelajar dilihat mampu menjadikan pelajar lebih aktif dan sedia menyertai aktiviti dalam darjah yang dipersembahkan (Abdullah Tahmim, 1999; Zaini et al., 2017).

Seterusnya dari sudut pendekatan pengajaran modul balaghah yang sesuai digunakan pula hampir keseluruhan pensyarah bersetuju sekiranya menggunakan pendekatan berpusatkan murid iaitu terdapat interaksi dua hala antara guru dan murid (Mohd Shahrizal et al., 2017). Selain itu pendekatan induktif dan deduktif menurut pensyarah juga sesuai digunakan dan sekali-sekala pendekatan berpusatkan guru boleh turut digunakan dalam kaedah pengajaran (Mohamad Syukri et al. 2018).

Kajian oleh Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (2010), menunjukkan amalan pendekatan syarahan dan kuliah merupakan pendekatan yang popular digunakan oleh guru agama dalam proses Pdp termasuklah dalam subjek balaghah menyebabkan pengetahuan pelajar tidak dapat ditingkatkan. Kaedah tradisional dalam pengajaran merupakan satu pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru di mana guru akan memberikan maklumat dan penerangan sementara pelajar hanya mendengar penjelasan daripada guru. Melalui kaedah ini, pelajar selalunya akan diberi nota supaya maklumat yang mudah dihafal. Pelajar juga kurang diberi galakan untuk berbincang bersama rakan-rakan mereka bahkan mereka juga kurang diberi peluang untuk memberikan pandangan mereka semasa proses Pdp.

Husni et al. (2018) menyatakan, rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah PdP perlu berubah bersesuaian dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “chalk and talk” semata mata kurang berhasil dalam menarik minat pelajar. Guru sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan dengan perkembangan semasa (Shuhaida Hanim, 2010).

Selain itu, guru-guru juga seharusnya mempunyai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran (Ismail Suardi, 2014; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pemikiran kritis murid sekolah menengah dipengaruhi oleh kualiti dan corak pengajaran guru (Rosnani et al. 2014). Pelaksanaan pengajaran yang merangsang pemikiran kritis memerlukan pembelajaran aktif.

Faktor Kelemahan Pelajar

Permasalahan seterusnya menggambarkan kelemahan yang dihadapi oleh para pelajar. Dapat disimpulkan antaranya adalah berpunca daripada sikap, motivasi atau persepsi mereka yang negatif atau lemah dalam bidang pembelajaran mereka. Ini akan menyebabkan mereka akan bersikap dengan sikap yang negatif seperti malas, cuai, dan sebagainya serta mempunyai tahap motivasi yang rendah dengan semangat yang lemah serta persepsi yang negatif akan

menjauhkan lagi mereka untuk turut serta dalam proses PdP yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi (Raja Hazirah, 2012).

Berdasarkan sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas mendapati pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar secara umumnya dilihat kurang memberangsangkan. Dapatan ini juga disokong oleh pemerhatian yang dilakukan oleh Abdul Aziz et al. (2019), dalam kajiannya bertajuk Penguasaan Komponen Retorik Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merumuskan bahawa penguasaan topik *haqiqah* dan *majāz* berserta sub topik *majāz* mursal dan *isti'ārah* dalam kalangan pelajar menengah peringkat SPM berada pada tahap sederhana dan masih kurang memuaskan. Ini berdasarkan kebanyakan tema yang diperoleh melalui aspek-aspek yang diuji berada pada tahap yang sederhana dan sederhana rendah. Kajian juga merumuskan bahawa pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

Faktor utama disebabkan persepsi sebahagian pelajar bahawa komponen ini sebagai suatu yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, Hadith, puisi (*sha'ir*) dan prosa (*nathār*) Arab (klasik dan moden) (Azhar Muhammad, 2007). Fenomena ini secara langsung menjadikan prestasi pelajar terhadap komponen balaghah khususnya dan bahasa Arab umumnya tidak memuaskan (Azhar et al., 2006). Justeru, artikel ini dikemukakan untuk meninjau sejauh mana penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji berdasarkan aspek persepsi, kefahaman dan kekangan. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan penguasaan komponen balaghah secara umumnya. Di samping itu, kebanyakan pelajar sendiri mengakui kemampuan mereka dalam menguasai ilmu balaghah masih di tahap yang lemah terutama ketika menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi (Nazri Atoh 2017).

Erlind (2014) menyatakan masalah menguasai Balaghah disebabkan faktor tidak minat dan kaedah PdP yang menyebabkan pelajar berpandangan negatif terhadap Balaghah. Hasil tinjauan Nor Azamudin (2013) mendapati bahawa pelajar sukar mendalami istilah-istilah Balaghah. Menurut Nazri bin Atoh (2017) pula penggunaan contoh-contoh dari syair-syair Arab dalam pembelajaran balaghah menyukarkan lagi kefahaman pelajar.

Kelemahan Pedagogi dan Bentuk Penilaian

Berdasarkan hasil kajian-kajian lepas, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan agama masih bersifat konvensional atau pasif sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Abdul Razif et al. (2017) menyatakan beberapa masalah yang dikenal pasti dalam pengajaran bahasa Arab adalah pengajaran berpusatkan guru pendekatan nahu terjemahan penggunaan bahan bantu mengajar yang lama serta kekurangan bahan bacaan tambahan. Memandangkan ilmu balaghah juga merupakan salah satu komponen asas dalam pembelajaran bahasa Arab maka permasalahan ini juga turut dihadapi dalam pembelajaran balaghah.

Ahmad Redzaudin et al. (2016) turut menyatakan tentang kekeliruan dalam pengajaran Balaghah, pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah banyak yang menyeleweng dari konsep asal pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan objektif dan matlamat pengajaran dan pembelajaran Balaghah tidak berjaya dicapai sepenuhnya. Kajian Shuhaida Hanim (2016) mendapati bahawa pelajar mempunyai minat dan kesedaran yang tinggi untuk mempelajari ilmu Balaghah, namun mereka tidak dapat memahami beberapa

kaedah dan tajuk Balaghah serta tidak memahami konsep pengajaran balaghah yang diberikan oleh guru. Pelajar akan merasakan pembelajaran balaghah tidak memberi banyak faedah dalam proses penguasaan bahasa Arab. Untuk itu, satu strategi pembelajaran perlu disusun dan dirangka untuk mengatasi masalah ini.

Kaedah pengajaran bahasa yang lebih interaktif dan kontemporari menggunakan pelbagai kemudahan teknologi laman web serta gajet yang ada dapat meningkatkan minat masyarakat bagi mempelajari bahasa Arab. Kebijaksanaan guru yang mengajar bahasa ini amatlah diperlukan supaya pembelajaran bahasa Arab tidak dianggap membuang masa, membosankan dan terlalu terikat kepada pembelajaran tatabahasa semata-mata (Muhammad Sabri, 2015).

Guru merupakan faktor penting dalam proses PdP khususnya dalam pendidikan bahasa Arab. Kemodenan dan kepesatan dunia pendidikan hari ini masih memerlukan elemen guru dalam pendidikan (Shuhaida et al., 2014). Dalam konteks pengajaran bahasa, guru mempunyai keutamaan untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran berbahasanya. Pengetahuan yang mendalam tentang bahasa perlu diseimbangkan dengan kemahiran menggunakannya (Abdul Razif et al., 2019).

Pengujian, pengukuran dan penilaian adalah antara beberapa konsep penting dalam dunia pendidikan. Nasyimah & Zamri (2016) serta Shuhaida Hanim (2016) menyatakan bahawa di antara faktor yang menyebabkan kegagalan pelajar menguasai kemahiran berfikir kritis dan kreatif adalah kurangnya penekanan keterlibatan soalan aras tinggi semasa proses pembelajaran. Soalan yang dirancang oleh guru hanya memerlukan hafalan serta hanya menilai kemahiran berfikir aras rendah. Akibatnya pelajar hanya menghafal kaedah dan contoh-contoh yang terdapat di dalam buku teks.

Kekurangan Motivasi dan Aplikasi Pelajar

Antara masalah yang dihadapi pelajar ialah mereka tidak dapat memahami apa yang mereka belajar selama ini. Tidak dapat mengaplikasikan apa yang mereka belajar dalam penggunaan ayat lain. Selain itu pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan mereka tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul. Di samping itu, masa PdP yang tidak mencukupi untuk balaghah ini juga antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini (Abdul Hakim & Mustafa, 2016).

Para guru juga perlu peka dan cakna bahawa motivasi murid juga boleh turut terjejas apabila pengisian pembelajaran dilaksanakan dengan aktiviti yang tidak bermakna dan kurang merangsang (Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin 2014).

Dalam satu kajian lain yang dibuat oleh Anuar (2012) beliau telah membuat kesimpulan bahawa dalam ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik yang telah dibina telah mendapat respons yang negatif dalam kalangan responden. Min yang diperolehi pada ketiga-tiga bahagian mendapat respons yang kurang memuaskan di mana kebanyakan responden tidak mempunyai motivasi dan minat untuk mempelajari ilmu balaghah ini. Mereka juga menghadapi masalah dalam mempelajari ilmu ini disebabkan kaedah pengajaran yang tidak sesuai.

Situasi ini menggambarkan pelajar yang belum mempunyai asas yang kukuh di peringkat sekolah dan motivasi yang rendah dalam mempelajari ilmu balaghah, ini akan

memberi kesan terhadap proses pembelajaran mereka di peringkat tinggi pula. Senario yang bakal berlaku pelajar akan terus ketinggalan dan membawa persepsi mereka di peringkat menengah ke peringkat universiti. Keadaan ini akan berterusan selagi mana tidak ada usaha yang diambil untuk membendung masalah ini. Kerana itulah acap kali kita mendengar keluhan pensyarah yang terpaksa mengulang semula kepada pelajar di peringkat universiti topik-topik asas yang telah dipelajari di peringkat menengah. Di samping itu, terdapat sikap segelintir pelajar yang belajar hanya untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan menyebabkan pengetahuan dan daya kreativiti pelajar tidak dapat dikembangkan (Raja Hazirah et al., 2014).

Kajian Sapiudin (2015) menyatakan melalui pendekatan tersebut, pelajar didapati masih tidak mampu mengaitkan teori dan konsep yang dipelajari dengan aplikasi amalan seharian. Pelajar juga dikatakan hanya menerima setiap perkara yang diajar tanpa soal jawab terhadap isu-isu yang dipelajari dalam kelas. Di samping itu, pelajar-pelajar juga tidak dilatih menggunakan daya berfikir untuk menyelesaikan masalah. Natiyah daripada proses Pdp tersebut menyebabkan keberkesanan Pdp masih dinilai pada tahap rendah dan objektif pembelajaran tidak mencapai tahap pengukuran psikometri pelajar yang sebenar. Situasi ini menyebabkan pembelajaran berasaskan agama tidak menarik minat pelajar, pengetahuan pelajar tidak dapat dipertingkatkan, daya kreativiti pelajar tidak dapat dikembangkan serta tiada inovasi dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran. Ia juga akan menyebabkan pelajar kurang penghayatan dalam nilai-nilai agama sebagai asas dalam kehidupan seharian. Kajian-kajian lepas mendapati pelajar masih kurang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran mereka.

Penggunaan ayat yang sukar dan tinggi gaya bahasa contohnya syair-syair menyebabkan timbul stigma dalam kalangan pelajar bahawa ilmu balaghah adalah puisi dan sastera sedangkan masih banyak cabang ilmu yang dibincangkan dalam ilmu balaghah, sastera hanyalah sebahagian daripadanya.

Ketandusan Rujukan dan Modul Lengkap Pembelajaran Balaghah Peringkat IPT

Di samping permasalahan pedagogi, silibus, kurikulum, guru dan pelajar rujukan yang ada juga sangat terbatas dan sukar didapati oleh mahasiswa pengajian Islam. Ditambah lagi dengan penerapan kaedah-kaedah balaghah yang sangat sukar untuk diterapkan dalam bentuk penjelasan model ceramah, yang perlu sentiasa diulang oleh pensyarah dan juga memerlukan konsentrasi yang tinggi daripada pihak pelajar (Shuhaida Hanim et al., 2016).

Menurut Ahmad Sofian (2013), pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan pelajar tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul.

Mohamad Syukri et al. (2018) merumuskan dalam kajiannya bahawa satu pendekatan dalam pengajaran modul balaghah perlu diperkasakan dan penambahbaikan oleh pensyarah dan universiti seperti sukatan pelajaran, kaedah mengajar, penyediaan modul khas balaghah dan sebagainya. Hasil daripada kajian juga menunjukkan bahawa teknik dan kaedah pengajaran perlu diperbaharui dan dipelbagaikan bagi menarik minat para pelajar dalam mendalami ilmu balaghah. Faktor penyediaan teks bahasa Arab yang dilihat kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar juga mampu menghilangkan minat dan motivasi pelajar dalam mendalami

ilmu ini. Oleh itu, satu modul perlu diwujudkan selari dengan hasil temu bual daripada pensyarah seluruh IPTA di Malaysia agar pembelajaran balaghah di peringkat IPT dapat diselaraskan dan meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang sedia ada.

Kesamaran Objektif dan Silibus Yang Tidak Sesuai

Sebagaimana isu yang diketengahkan oleh para sarjana ialah, peletakan objektif yang tidak sesuai, kandungan silibus yang tidak ada kesinambungan dari satu ke satu tahap, metode pengajaran yang terlalu menekankan konsep hafalan definisi, metode yang mengabaikan aspek pemupukan cita rasa sastera Arab yakni usaha untuk menyingkap keindahan dan rahsia di sebalik ungkapan dan metode penilaian yang mengabaikan aspek aplikasi dan analisis. Kesemua ini ialah faktor-faktor penghalang tercapainya matlamat pengajaran dan pembelajaran balaghah yang baik dan sempurna.

Menurut kajian Abdul Hakim et al. (2014), metode pengajaran balaghah di peringkat menengah masih banyak yang menggunakan metode tradisi iaitu hafalan definisi dan contoh serta pelajar tidak mampu menjiwai setiap ungkapan yang diberikan samada dalam bentuk ayat al-Quran, hadis, syair atau prosa. Pelajar hanya didedahkan tentang definisi, pembahagian dan contoh, tanpa menekankan aplikasi kaedah dan pemupukan cita rasa.

Abdul Aziz et al. (2019) menyatakan antara faktor kelemahan pelajar dalam subjek ini ialah persepsi sebahagian pelajar bahawa komponen ini sebagai suatu yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, Hadith, puisi (*sha'ir*) dan prosa (*nathār*) Arab (klasik dan moden). Fenomena ini secara langsung menjadikan prestasi pelajar terhadap komponen balaghah khususnya dan bahasa Arab umumnya tidak memuaskan. Justeru, artikel ini dikemukakan untuk meninjau sejauh mana penguasaan pelajar terhadap topik yang dikaji berdasarkan aspek persepsi, kefahaman dan kekangan. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan penguasaan komponen balaghah secara umumnya.

Secara keseluruhannya, pelajar pada hakikatnya mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu balaghah ini serta menafikan bahawa pengajaran dan pembelajaran ilmu balaghah membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Ini menunjukkan pengajaran balaghah belum memberikan kesan kepada pelajar untuk berminat mempelajari bahasa Arab. Ini bermakna majoriti pelajar masih belum merasai keberkesanan kaedah yang diguna pakai dalam PdP ilmu balaghah yang telah dipelajari di dalam kuliah.

KESIMPULAN

Oleh sebab wujudnya masalah-masalah dalam penguasaan ilmu balaghah, maka perlu dirancang kaedah pembelajaran yang sesuai dan perlu dilakukan perubahan kaedah pembelajaran yang boleh meningkatkan penguasaan dan motivasi pelajar terhadap ilmu ini. Dapatan kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab ini masih lagi berada pada kedudukan yang sederhana walaupun kebanyakan pelajar berminat mempelajari ilmu ini (Abdul Aziz et al., 2019).

Salah satu kaedah pembelajaran yang boleh membangun kemahiran berfikir kritis kemahiran berfikir kreatif dalam balaghah adalah kaedah pembelajaran berasaskan kontekstual. Kerana melalui kaedah berasaskan kontekstual berlaku proses penyiasatan masalah terbuka,

aktiviti komunikasi dan kolaboratif antara pelajar dan aktiviti perancangan sehingga diharapkan dapat mendorong pelajar membangunkan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif bagi subjek balaghah. Oleh yang demikian, penggunaan pendekatan PBK yang bertujuan membangun kemahiran berfikir kritis dan kreatif balaghah merupakan perkara yang penting untuk dilakukan kerana ianya memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif membangun kemahiran berfikir kritis dan kreatif balaghah.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada permasalahan yang berlaku dalam pembelajaran balaghah. Faktor pedagogi, isi kandungan mata pelajaran, persepsi pelajar, buku rujukan, silibus adalah antara faktor penyebab utama masalah pembelajaran balaghah. Justeru, usaha menggunakan pendekatan berasaskan kontekstual ini diharap dapat mengubah tanggapan negatif pelajar yang menganggap subjek balaghah sebagai subjek yang sukar dan tidak bermakna.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Ab. Halim, T., & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz, I., Mohd Zaki Abdul, R., & Azhar, M. (2019). Penguasaan Komponen Retorik Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2 SE-Articles). <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/61>
- Abdul Hakim, A., Ab Aziz, S., Wan Ismail, W. A., & Hafisah, Z. (2014). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab.
- Abdul Hakim, A., & Mustafa, O. (2016). A Prolonged Dilemma: Traditional Curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences*. <https://doi.org/10.3923/sscience.2016.1008.1014>
- Abdul Jalil, O., Normarini, N., Ghazali, D., & Saedah, S. (2011). Cabaran Guru Program LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37–51.
- Abdul Rahman, A. (2002). *Mendalami bahasa Arab (Ilmu Balaghah)*. Pustaka Ilmi.
- Abdul Razif, Z., Noorshamsinar, Z., Hasmadi, H., Muhammad Redzaudin, G., & Mohd Rufian, I. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and Challenges. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Abdullah Tahmim. (1999). Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, 33–41.
- Ahmad Redzaudin, G., Mohamad Rofian, I., Khairatul Akmar, A. L., Adnan, M. A., & Daoh, M. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Balaghah bagi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016*, 1022, 261–268.
- Anuar Sofian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar. (2013). Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah: satu tinjauan awal. *Jurnal Islamiyyat*.

- (Online) Available: <http://journalarticle.ukm.my/6872/1/4204-9684-1-SM.pdf> (accessed on April 20, 2016).
- Anuar, S. (2012). Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka. In H. Mohd Shukari, O. Khazri, H. Moktar, Z. @ H. A. Suhaila, A. G. Salamiah, Z. Hakim, & I. Zainuddin (Eds.), *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* (pp. 49–63). nit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>
- Atif Fadhl Mohamad. (2015). *al-Balaghah al-Arabiah*. Darul Masirah Linnasyr wa a-Tauzi’.
- Azhar, M., Abdul Hafiz, A., Bushrah, B., Kamarul Azmi, J., & Sulaiman Shakib, M. N. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*.
https://www.researchgate.net/publication/293097817_Penguasaan_Pelajar_Sekolah_Menengah_Aliran_Agama_Terhadap_Pengajian_Ilmu_Retorik_Arab
- Azhar Muhammad. (2007). Menterjemah budaya retorika Melayu melalui pelaksanaan pengajaran ilmu Balaghah Arab dalam kalangan pelajar Melayu.
- Badri Najib, Z. (2008). *Balaghah as an instrument of Qur’an interpretation: a study of al-Kashshaf* (1st ed.). IIUM Press, IIUM.
- Erlind, A. H. (2014). *Penggunaan Peta Minda dalam Pembelajaran Balaghah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak, Melaka, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Husni, A., Abdul Razif, Z., Khairatul Akmar, A. L., Hasanah, I., Ku Fatahiyah, K. A., Wan Sakiah, W. N., & Naqibah, M. (2018). Pendidikan Abad ke-21 dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia: Amalan dan Cabaran. *International Research Management & Innovation Conference*, 1–14.
- Idris, A., Abdul Hakim, A., Abdul Wahid, S., & Zulazhan, H. (2012). *Ilmu Balaghah & Pembentukan Keupayaan Bahasa Arab*.
- Ismail Suardi, W. (2014). *Model Pembelajaran Bahasa Arab Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan*. Penerbit Deepublish.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*. Cepat Cetak Sdn. Bhd.
- Lutfi Nur Fadilah(2019)Strategy Active Learning Dalam Pembelajaran Balaghah Pada Siswa Kelas X Jurusan Keagamaan Ma Miftahul Huda Rawalo Banyumas.
- Mohamad Syukri, A. R., Daoh, M., Muhammad Redzaudin, G., Mohd Rufian, I., Mohd Izzudin, M. P., & Nurfida’iy, S. (2018). Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 48–58.
- Mohd Shahrizal, N., Muhammad Sabri, S., Zulazhan, H., Mohd Firdaus, Y., & Rouyan, N. (2017). *Penataran Pendidikan Bahasa Arab Di Peringkat Pengajian Tinggi*.
- Muhammad Sabri, S. (2015, September 23). Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti. *Berita Harian*.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan antara kualiti guru bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Nasyimah, I., & Zamri, M. (2016). Sikap dan Kesiapan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 6(2), 59–67. <https://doi.org/2180-4842>
- Nazri bin Atoh, Saipolbarin bin Ramli, Muhammad Zulkifli bin Abdul Manan. (2017). Keberkesanan Pengajaran Al-Balaghah Al-'Arabiyyah dengan Menggunakan Contoh Ayat Al-Qur'an. Conference: International Conference on Teaching & Learning of Languages 2017At: Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak
- Norazamudin Umar. (2013). Pengajaran Balaghah Arab Berasaskan Akronim dan Strategi Pemetaan Semantik. Kertas Kerja dibentangkan dalam persidangan Antarabangsa Bahasa-Bahasa Asing Malaysia kali ke-4 pada 3-4 Julai 2013 di Kompleks Seri Negeri Ayer Keroh. Melaka. Anjuran bersama Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka.
- Raja Hazirah, R. S. (2012). Penguasaan Balaghah dalam Kalangan Pelajar IPT. Universiti Malaya.
- Raja Hazirah, R. S., Kamariah, Yunus, M., Anas, Nurazan, & Suhane, M. R. S. H. M. (2014). Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu Dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah. Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Rosnani, H., Suhailah, H., & Juhasni Adila, J. (2014). The Hikmah (wisdom) Program: A Philosophical Inquiry for The Teaching of Islamic Education in Malaysia.
- Sapiudin, S. (2015). Pembelajaran Ushul Fikih Berbasis Masalah. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 14. <https://doi.org/10.15408/ajis.v14i2.1288>
- Shuhaida, H., Nurazan, R., Muzammir, A., raja Hazirah, R. S., & Kamariah. (2014). Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia.
- Shuhaida Hanim, M. S. (2010). al-Ittijahat Fi Dirasat an-Nazm al-Qurani inda ba'dhi A'laamil Balaghiyyin. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Shuhaida Hanim, M. S. (2016). Strategi Pengajaran Balaghah Arab: Satu Kajian di Peringkat IPT.
- Shuhaida Hanim, M. S., Nurazan, R., Kamariah, Y., Suzana, S., Muzammir, A., & Raja Hazirah, R. S. (2016). Strategi Pengajaran Balaghah Arab: Satu Kajian Peringkat IPT.
- Zaini, A., Redzaudin, M., Ismail, R., Zakaria, N., Hamdan, H., & Rushdan, M. (2017). Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia.